

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pernyataan Masalah

Semua guru bahasa menyedari bahawa para pelajar membuat kesilapan. Dulay dan Burt (1974 : 95-123), mengatakan "*you can't learn without goofing*" yang bermaksud bahawa 'anda tidak boleh belajar tanpa membuat kesilapan'. Apabila kita memperkatakan kesilapan dalam penggunaan tatabahasa, kita pasti akan menyentuh penggunaan preposisi ataupun sendi nama sebagai sebahagian aspek penting. Dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah, penggunaan preposisi merupakan masalah yang meruncing di samping kesilapan-kesilapan aspek-aspek bahasa yang lain seperti kesilapan dalam penggunaan imbuhan, pemilihan leksikal, aspek tatabahasa, kesalahan tanda baca dan lain-lain.

Para pelajar dan kebanyakan pengguna bahasa masih keliru dan tidak dapat membezakan antara preposisi *di* dengan imbuhan awalan *di-*. Misalnya preposisi *di* yang seharusnya dijarakkan telah dicantumkan, umpamanya perkataan *di rumah* akan ditulis **dirumah*. Sebaliknya imbuhan *di-* yang seharusnya ditulis dekat, umpamanya perkataan *dikejar* akan menjadi **di kejar*. Begitu juga tentang penggunaan preposisi *dari* dengan *daripada*, *di* dengan *ke*, *di* dengan *pada*, *pada* dengan *kepada*

dan sebagainya. Malah ada pelajar yang menggunakan preposisi *ke* di tempat yang seharusnya menggunakan preposisi *di*. Contohnya:

"... Kami sekeluarga telah pergi *ke* Sarawak. Kami ***kesana* selama empat hari. ... Setelah sampai **ke* Sarawak kami pun singgah **ke* sebuah restoran untuk menghilangkan rasa lapar. ... dan kami sampai **ke* Lapangan Terbang pada pukul 11.00 pagi." (dipetik dari buku karangan pelajar)

Dalam petikan karangan di atas menggambarkan bahawa sebilangan pelajar belum dapat menguasai dan menggunakan preposisi *ke* dengan betul. Pada preposisi *ke* yang ditanda dengan * itu pelajar seharusnya menggunakan preposisi *di* dan bukan *ke*. Manakala pada perkataan *kesana* yang ditanda dengan ** pelajar melakukan dua kesalahan, iaitu pertama kesalahan dari segi menggunakan preposisi, pada konteks ayat tersebut pelajar seharusnya menggunakan preposisi *di* (di sana) dan bukan preposisi *ke* (ke sana). Kedua, kesalahan dari segi ejaan, iaitu pelajar seharusnya menjarakkan ejaan preposisi *di* atau *ke* daripada kata tempat atau kata arah.

Menurut Arpan (1998:143), "... dalam bidang Morfologi, pelajar lemah dalam penguasaan kemahiran menggunakan imbuhan dan kata sendi nama". Berdasarkan penelitian yang pengkaji jalankan, pengkaji mendapati bahawa masalah seperti ini bukan hanya berlaku di Negara Brunei Darussalam, tetapi berlaku juga di negara-negara jiran seperti

Malaysia, Indonesia dan Singapura. Malah perbincangan tentang kesalahan-kesalahan bahasa di Malaysia sudah banyak disentuh.

Kajian tentang kesalahan umum penggunaan bahasa yang di dalamnya termasuk kesalahan penggunaan preposisi bahasa Melayu dalam karangan pelajar di sekolah menengah rendah di Negara Brunei Darussalam telah banyak dilakukan oleh mahasiswa Universiti Brunei Darussalam. Contohnya seperti Salmah binti Haji Ahmad (1990) dan Awang Teo Kee Huei (1990). Bagaimanapun, kajian mereka ini dilakukan tidak menggunakan Pendekatan Analisis Kesilapan.

Salmah binti Haji Ahmad (1990) dalam latihan ilmiahnya ada menyentuh tentang penggunaan preposisi yang beliau namakan sebagai kata depan. Dalam kajian ini beliau membincangkan beberapa aspek kesalahan penggunaan kata depan. Antara lain berkenaan dengan kesalahan meninggalkan kata depan yang perlu, menggunakan kata depan yang tidak perlu, salah guna kata depan dan kesalahan ejaan kata depan, iaitu mencantumkan kata depan dengan kata yang mengikutinya.

Awang Teo Kee Huei (1990:81-95) pula ada membincangkan tentang kesalahan preposisi yang beliau namakan sebagai sendi nama. Dalam kajiannya ini, Awang Teo Kee Huei menyentuh berkenaan dengan kesalahan ejaan sendi nama *di* dan *ke*. Di samping itu, beliau juga ada membincangkan tentang kesalahan penggunaan sendi nama *daripada*,

dari, kepada, pada, dengan, seperti dan *untuk* beserta dengan jadual kekerapan kesalahan bagi setiap sendi nama.

Penggunaan preposisi akhir-akhir ini juga telah banyak diperbincangkan. Cuma kadang-kadang istilah yang digunakan itu berlainan, ada yang menggunakan istilah *sendi nama* atau *kata depan*. Walaupun menggunakan istilah yang berlainan, namun matlamat ataupun tujuan adalah sama iaitu untuk menjana penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Haji Daud Taha (1992) dalam *disertasi sarjananya*, beliau ada menyentuh tentang kesalahan penggunaan preposisi yang beliau namakan sebagai kesalahan *sendi nama*. Bagaimanapun, kajian beliau ini hanya menyentuh tentang kesalahan ejaan sendi nama *di* dan *ke* sahaja. Antara lain Haji Daud Taha menyenaraikan seperti *di antara, di bidang, di dalam, di hospital, ..., ke arah, ke atas, ke hospital, ke jabatan* dan *ke sekolah*.

Meskipun begitu, kajian yang membincangkan penggunaan preposisi secara menyeluruh ataupun komprehensif tentang bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard yang menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan masih belum dilakukan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji akan cuba membincangkan preposisi kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Dusun sebagai bahasa ibunda pelajar dan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa sasaran pelajar.

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan preposisi bahasa Melayu Standard di kalangan murid-murid Dusun, pada peringkat sekolah rendah di pedalaman Negara Brunei Darussalam. Objektif-objektif penting dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Memberi satu deskripsi yang lengkap tentang preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard.
- b) Membandingkan penggunaan preposisi dalam bahasa Dusun dengan bahasa Melayu Standard, iaitu bagi melihat persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut
- c) Mengenal pasti masalah-masalah pembelajaran tentang penggunaan preposisi bahasa Melayu Standard di kalangan pelajar Dusun.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini difikirkan sangat penting dan bermanfaat kepada guru-guru dan perancang kurikulum serta perancang bahasa. Kajian ini diharapkan

- a) boleh digunakan oleh guru-guru bahasa dalam pengajaran untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah
- b) boleh digunakan oleh penyelidik yang ingin membuat kajian yang lebih lanjut tentang bahasa Dusun

- c) boleh digunakan oleh penulis buku-buku teks di Negara Brunei Darussalam.
- d) boleh digunakan oleh perancang kurikulum Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat membuka minda penutur bahasa Melayu dan penutur bahasa Dusun seluruhnya.

1.3 Kerangka Teoretikal

Analisis Kontastif adalah satu pendekatan yang lazim digunakan untuk membandingkan ciri-ciri atau struktur linguistik dua bahasa atau lebih secara sistematik. Pendekatan ini mengandaikan bahawa para pelajar bahasa kedua atau pelajar bahasa asing akan dapat menerima dengan mudah unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka. Sebaliknya, unsur-unsur yang berbeza akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka. Perbincangan yang lebih mendalam ada dibincangkan dalam Bab Dua.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, kaedah Analisis Kontrastif ini akan digunakan sebagai metodologi dalam membandingkan preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard, iaitu untuk melihat perbezaan dalam kedua-dua sistem itu. Kemudian melihat gangguan atau interferensi yang berlaku akibat perbezaan antara bahasa ibunda, iaitu bahasa Dusun dengan bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu Standard.

Pendekatan Analisis Kontrastif, bagaimanapun berkait juga dengan pendekatan Analisis Kesilapan. Kedua-dua pendekatan ini saling memerlukan dan melengkapkan antara satu sama lain.

Kaedah Analisis Kesilapan pula digunakan sebagai metodologi untuk menerangkan kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh subjek kajian. Pendekatan Analisis Kesilapan merupakan pelengkap bagi Analisis Kontrastif. Analisis Kesilapan dipilih sebagai pelengkap kerana pertama dalam Analisis Kesilapan, kesilapan tidak dihadkan kepada kesilapan pemindahan *interlingual*. Kedua, Analisis Kesilapan menghuraikan data yang betul-betul wujud dan oleh itu, analisis ini lebih berkesan dalam merancang strategi-strategi pedagogi.

Dalam menyediakan data bagi Analisis Kesilapan, pengkaji telah menjalankan penyelidikan di beberapa buah sekolah rendah di pedalaman Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Brunei dan Muara yang melibatkan soal selidik dan ujian objektif pelbagai pilihan (peta yang menunjukkan kedudukan tempat-tempat ini dipaparkan di halaman 31). Kedua-dua instrumen ini, iaitu borang soal selidik digunakan untuk mengetahui latar belakang subjek dan ujian objektif pelbagai pilihan pula digunakan untuk menentukan sejauh manakah masalah yang dihadapi dan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar Dusun yang sedang mempelajari Bahasa Melayu Standard sebagai bahasa sasaran. Pendekatan Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan akan dibincangkan

dalam Bab Dua, iaitu bab yang khusus membincangkan kedua-dua pendekatan tersebut.

Di samping pendekatan Analisis Kontrastif dan pendekatan Analisis Kesilapan, Model Struktural juga akan diterapkan dalam kajian ini. Pengkaji akan menggunakan model struktural sebagai model analisis dalam menghuraikan dan membincangkan preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard.

1.3.1 Model Struktural

Model ini bersifat deskriptif dan sangat sesuai dalam sesuatu kajian yang bersifat penghuraian. Berdasarkan model ini, penghuraian tentang sesuatu bahasa dilakukan daripada unit yang lebih kecil membawa kepada unit-unit yang lebih besar. Selaras dengan pandangan golongan struktural, bahasa adalah dibina daripada unit-unit yang lebih kecil kepada unit-unit yang lebih besar (Lado, 1957:66 dan Asmah Haji Omar, 1986:1). Lado (1957), telah memberikan pandangan yang berguna bagaimana menjalankan kajian berdasarkan model struktural seperti berikut:

"We begin with an analysis of the foreign language and compare its structure by structure with the native language. For each structure we need to know if there is a structure in the native language (1) signaled the same way, that is, by the same device, (2) having the same meaning, and (3) similarly distributed in the system of that language."

(Lado, 1957:66; Lado, 1983:15)

Seperti yang disarankan oleh Lado (1957), pengkaji akan menghuraikan kedua-dua preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard secara selari iaitu menggunakan model struktural. Kemudian dengan menggunakan model ini juga kajian kontrastif akan dilakukan bagi membandingkan persamaan dan perbezaan penggunaan preposisi bagi kedua-dua bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard tersebut.

1.3.2 Justifikasi

Model struktural ini dipilih atas beberapa faktor berikut:

- a) Penghuraian dan perbincangan tentang preposisi bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard dalam kajian ini dilakukan hanya pada peringkat sintaksis, iaitu dalam bentuk struktur-struktur ayat.
- b) Persamaan dan perbezaan preposisi yang terdapat dalam bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard dapat dikenal pasti dengan mudah melalui perbandingan secara selari seperti yang diusulkan oleh Lado (1957). Dengan pengenalanpastian persamaan dan perbezaan penggunaan preposisi antara kedua-dua bahasa tersebut, pengkaji berpendapat bahawa kita dapat meramalkan kesulitan-kesulitan yang mungkin akan dihadapi oleh pelajar-

pelajar Dusun yang mempelajari bahasa Melayu Standard. Seterusnya masalah-masalah kesulitan akan dapat diatasi.

Berdasarkan alasan di atas, pada hemat pengkaji model struktural ini sesuai digunakan dan diterapkan bagi tujuan kajian ini.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian pada dua aspek, pertama Analisis Kontrastif preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu, iaitu untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam bentuk dan penggunaan preposisi yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Persamaan dan perbezaan preposisi ini akan digunakan untuk meramal kemungkinan-kemungkinan permasalahan yang muncul dalam proses pembelajaran preposisi Bahasa Melayu Standard di sekolah oleh pelajar Dusun.

Kedua, kajian ini juga akan difokuskan pada kesilapan bahasa khususnya kesilapan penggunaan preposisi. Dalam mengkaji aspek kesilapan bahasa, pengkaji telah menggunakan satu ujian objektif pelbagai pilihan bagi mendapatkan data yang benar-benar wujud iaitu untuk mengetahui sejauh mana para pelajar Dusun memahami dan mengetahui preposisi bahasa Melayu Standard. Di samping itu, pengkaji juga mengutip beberapa contoh karangan bertulis yang di ambil daripada buku latihan karangan pelajar, iaitu sebagai data sampingan.

Kesilapan penggunaan preposisi dipilih memandangkan kesilapan jenis ini sangat menonjol berbanding dengan kesilapan-kesilapan penggunaan unsur-unsur tatabahasa yang lain. Dalam tesis ini, pengkaji akan membincangkan semua jenis preposisi yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Bagaimanapun, tumpuan khusus akan diberikan terhadap jenis-jenis preposisi yang dominan dan biasa digunakan dalam kehidupan sehari-hari.

1.5 Negara Brunei Darussalam : Latar Belakang Kajian

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kecil yang mempunyai keluasan 5,765 kilometer persegi, terletak di barat laut Pulau Borneo di antara garis-garis bujur $114^{\circ} 04'$ dan $11^{\circ} 23'$ dan garis-garis lintang utara $4^{\circ} 00'$ dan $5^{\circ} 05'$. Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong (lihat peta 1, di halaman xvii). Jumlah penduduknya pada tahun 1998 dianggarkan 323,600 orang yang terdiri daripada 171,700 orang lelaki dan 151,900 orang perempuan (*Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 1998 : XVIII*). Keluasan dan keramaian penduduk Negara Brunei dipaparkan dalam carta 1 di bawah:

CARTA 1

KELUASAN DAN KERAMAIAAN PENDUDUK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMUA DESKRIPSI	D. BRUNEI MUARA	DAERAH BELAIT	DAERAH TUTONG	DAERAH TEMBURONG	JUMLAH SEMUA
LUAS km ²	571	2,724	1,166	1,304	5,765
KERAMAIAAN	213,800	65,300,	35,200	9,300	323,600
MELAYU	150,600	30,600	29,800	6,400	217,400
LAIN-LAIN BUMIPUTERA	7,300	8,100	1,800	2,200	19,400
CINA	29,600	16,00	2,500	500	48,600
LAIN-LAIN BANGSA	26,300	10,600	1,100	200	38,200

D = Daerah

km² = kilometer persegi

(dipetik daripada *Buku Perangkaan Tahunan
Negara Brunei Darussalam 1998 : XVIII*)

Masyarakat Melayu merupakan kumpulan bangsa yang terbesar, terdapat kira-kira 217,400 orang atau 62.2 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam. Diikuti oleh bangsa Cina seramai 48,600 orang atau 15.0 peratus, lain-lain bumiputera seramai 19,400 atau 6.0 peratus. Sebahagian daripada jumlah tersebut adalah termasuk puak Dusun. Sejauh ini tidak ada perangkaan khusus mengenai puak Dusun. Lain-lain bangsa 38,200 orang atau 11.8 peratus.

Masyarakat Melayu dan bumiputera ini terdiri daripada tujuh suku bangsa atau puak asli Negara Brunei Darussalam yang dianggap sebagai 'rakyat mutlak undang-undang' (*Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei*, 1961; 1973:9). Mereka ini dikenali sebagai puak Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Dusun, Murut, Belait dan Bisaya.

Semua masyarakat Melayu Brunei, Kedayan, Tutong dan Belait beragama Islam. Manakala Masyarakat Dusun dan Bisaya, sebahagiannya telah memeluk agama Islam dan sebahagian lagi masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang mereka. Masyarakat Murut pula kebanyakannya beragama Kristian, sebahagian kecil pula telah memeluk agama Islam dan selebihnya masih tidak beragama.

Ketujuh-tujuh suku bangsa atau puak ini mempunyai bahasa ataupun dialek mereka sendiri. Masyarakat Melayu Brunei menuturkan dialek Melayu Brunei. Masyarakat Melayu Kedayan menuturkan dialek Melayu Kedayan. Masyarakat Tutong menuturkan bahasa Tutong. Masyarakat Belait menuturkan bahasa Belait. Masyarakat Murut menuturkan bahasa Murut yang juga dikenali sebagai bahasa Lun Bawang. Masyarakat Bisaya menuturkan bahasa Bisaya. Begitu juga masyarakat Dusun menuturkan bahasa Dusun.

Masyarakat Dusun kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman Daerah Belait dan Daerah Tutong seperti di Mukim Bukit Sawat, iaitu di Kampung Sungai Mau, Marangking, Kampung Bukit Sawat, Sungai Liang, Kampung Ukong, Mukim Kiudang, Lamunin, Rambai dan Telisai. Sebahagian kecilnya juga tinggal di pedalaman Daerah Brunei Muara, iaitu di Kampung Batang Mitus dan Kampung Bebuloh. Peta 2 pada halaman 31 memaparkan taburan penutur-penutur bahasa Dusun.

1.6 Pendidikan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam

Pendidikan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam seusia dengan sejarah sistem persekolahan di Brunei. Dalam *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam 1985*, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar bagi keseluruhan Sekolah Rendah Kerajaan, bermula daripada peringkat Pra Sekolah sehingga Darjah Tiga, kecuali bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Bermula daripada Darjah Empat dan seterusnya sehingga ke peringkat Menengah dan Tinggi (Tingkatan Enam Bawah dan Atas) bahasa pengantar bagi Sekolah Kerajaan diubah kepada Bahasa Inggeris, kecuali bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, Lukisan, Sejarah dan Pendidikan Jasmani. Mata pelajaran yang lain diajar menggunakan bahasa Inggeris.

1.7 Situasi Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam

Peranan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam memang jelas dan sesuai dengan statusnya sebagai bahasa rasmi negara, seperti yang termaktub dalam *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, perkara 82 (1) yang menyatakan bahawa "Bahasa rasmi negeri ia-lah Bahasa Melayu dan hendaklah di-tulis dengan huruf yang di-tentukan oleh undang2 bertulis" (*Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, t.t.:122). Bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi yang utama, khususnya sebagai bahasa perhubungan dalam pentadbiran, dan juga di kalangan puak-puak yang menduduki

negara ini (lihat Aini Haji Karim, 1989:2). Bahasa Melayu yang dimaksudkan adalah variasi yang digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, sebagai langkah penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu yang lebih berkesan, pihak kerajaan melalui Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah menerbitkan *Pelita Brunei* dalam bahasa Melayu dan mengedarkannya secara percuma kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu pihak kerajaan Brunei telah mensyaratkan seseorang yang ingin memohon menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam mestilah menunjukkan kebolehan dan kefasihan berbahasa Melayu dalam temuduga yang diadakan. Hal ini ada disebutkan dalam *Taraf Keraayatan Brunei* ceraiian (5) yang berbunyi seperti berikut:

Kelayakan untuk mendaftar menjadi raayat Sultan seperti yang di-sebutkan di-bawah cheraian (1), Sultan hendak-lah berpuas hati bahawa seseorang itu telah di-pereksa oleh Lembaga Bahasa, dan orang itu mempunyai darjah pengetahuan dalam bahasa Melayu dengan fasih. Jika pun tidak ada-lah di-sebabkan oleh kechachatan anggota, bisu atau tuli.

(*Taraf Keraayatan Brunei*, 1961 : 9)

Selain daripada berfungsi sebagai jentera pentadbiran dan juga alat perhubungan, bahasa Melayu juga memainkan peranan penting dalam Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bahasa Melayu telah

digunakan sebagai bahasa pengantar dalam Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam sejak sekolah mula diperkenalkan pada tahun 1906.

1.8 Situasi Bahasa Dusun di Negara Brunei Darussalam

Bahasa Dusun merupakan salah satu bahasa peribumi yang dituturkan oleh puak minoriti, iaitu Puak Dusun di Negara Brunei Darussalam dan Bangsa Kedazan di Sabah, Malaysia dan Puak Bisaya di Limbang, Sarawak Malaysia. Bagaimanapun, menurut beberapa sumber, misalnya Yabit bin Alas (1994), mengatakan bahawa bahasa Dusun yang dituturkan oleh puak Dusun di Brunei dan bahasa Dusun yang dituturkan oleh masyarakat Kedazan di Sabah adalah tidak sama, baik dari segi sebutan mahupun leksikalnya.

Berdasarkan hasil kaji selidik pada lampiran A pada halaman 351 yang telah pengkaji jalankan, iaitu berkenaan bahasa-bahasa yang digunakan di rumah menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja generasi baru puak Dusun yang menggunakan bahasa Dusun sebagai bahasa sehari-hari di kalangan mereka. Sebaliknya, sebahagian besar daripada mereka menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Dusun dan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di rumah. Jika usaha-usaha tidak dilakukan dari sekarang kemungkinan bahasa ini akan pupus adalah terlalu tinggi kerana pada masa ini hanya generasi tua yang menggunakan bahasa Dusun untuk berkomunikasi di kalangan mereka.

Pengkaji juga mendapati bahawa generasi baru hanya menggunakan bahasa Dusun ketika berkomunikasi dengan generasi tua, seperti nenek atau datuk mereka.

1.9 Sistem Fonologi Bahasa Dusun

Bagi memudahkan para pembaca memahami fonem-fonem bahasa Dusun dalam contoh-contoh yang diberikan dan agar para pembaca dapat melihat persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa ini, di sini Sistem Fonologi Bahasa Melayu Standard dan Sistem Fonologi Bahasa Dusun dipaparkan secara ringkas.

Dalam bahasa Dusun terdapat 19 fonem konsonan, empat fonem vokal dan empat diftong. Fonem-fonem konsonan itu ialah / b /, / p /, / t /, / d /, / k /, / g /, / ʔ /, / t /, / dʒ /, / tʃ /, / s /, / m /, / n /, / ɲ /, / ɳ /, / l /, / ʎ /, / w / dan / j /. Fonem-fonem vokal pula ialah / i /, / u /, / a / dan / ɔ /. Manakala diftong pula ialah / au /, / ɔu /, / ɔi / dan / ai /.

Fonem-fonem kedua-dua bahasa (yang dipaparkan dalam Carta 2. 3 dan 4) yang dikongsi bersama akan dibiarkan dengan warna hitam dan fonem-fonem bahasa Dusun yang tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu akan ditandakan dengan warna biru. Sebaliknya fonem-fonem bahasa Melayu yang tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Dusun akan ditandakan dengan warna merah.

Berikut dipaparkan fonem-fonem yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut dalam carta 2, 3 dan 4 di bawah:

CARTA 2
FONEM-FONEM KONSONAN BAHASA MELAYU
DAN
BAHASA DUSUN

Cara Artikulasi Daerah Artikulasi	Dua bibir	Gusi	Gusi-Lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Glotis
Letupan Bersuara	b	d			g	ʔ
Letupan Tak Bersuara	p	t			k	
Letusan Bersuara				dʒ		
Letusan Tak Bersuara				tʃ		
Sengauan	m	n		ɲ	ŋ	
Geseran Bersuara		ɣ	z	ʒ		h
Geseran Tak Bersuara		f	s			
Getaran		r				
Sisian		l				
Separuh Vokal	w			j		


Perhatian:

- a) Fonem-fonem yang dikongsi bersama dibiarkan dengan warna **hitam**.
- b) Fonem-fonem bahasa Dusun yang tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu ditandakan dengan warna **biru**.

- c) Fonem-fonem bahasa Melayu yang tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Dusun ditanda dengan warna merah.


CARTA 3

**FONEM-FONEM VOKAL BAHASA MELAYU
DAN
BAHASA DUSUN**



CARTA 4

**DIFTONG BAHASA MELAYU
DAN
BAHASA DUSUN**



1.10 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penulisan tentang Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan telah banyak dilakukan oleh beberapa orang pengkaji bahasa yang terdahulu. Pengkajian ini juga telah banyak disentuh dan

dibincangkan di negara-negara lain, umpamanya di Eropah dan di Malaysia, tetapi pengkajian ini belum banyak dibincangkan di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini baru ada tiga buah tesis sarjana dan beberapa buah latihan ilmiah yang menyentuh secara khusus mengenai kesalahan-kesalahan bahasa di kalangan pelajar sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Antaranya Haji Daud bin Taha (1992), Pg. Hj. Mahmud bin Pg. Damit (1992), Arpan Shahbudin Latif (1998), Hjh. Norhana Hj. Abdullah (1990), Awang Teo Kee Huei (1990), Salmah Hj. Ahmad (1990) dan Dk. Roslinawati Pg. Hj. Metali (1997).

Di Malaysia, khususnya di Universiti Malaya, terdapat beberapa buah tesis telah ditulis tentang Kata Depan Bahasa Melayu, umpamanya:

1. Wanphen Siriraksasak. 1998. "Analisis Kontrastif Kata Depan Bahasa Melayu dan Bahasa Thai". *Tesis Ph.D*, Universiti Malaya.
2. Ismail Jusoh. 1994. "Satu Kajian Analisis Kesilapan Penggunaan Sendi Nama dalam Bahasa Malaysia". *Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden*, Universiti Malaya.

Di samping itu, Choi Kim Yok (1986 : 297-302), dalam *Tesis Ph.D*, iaitu dalam bahagian preposisi, beliau telah membezakan antara preposisi bahasa Perancis dan preposisi bahasa Melayu Standard.

Kajian terdahulu berkaitan dengan Analisis Kontrastif antara bahasa Melayu dengan bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil, Thai,

Jepun dan Perancis telah banyak dilakukan. Namun begitu kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan yang berhubungkait dengan sistem dan struktur bahasa Dusun dengan bahasa Melayu belum pernah dilakukan. Antara kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan adalah seperti berikut:

- a) Kajian oleh Choi Kim Yok yang bertajuk "*Essai de recherche en analyse contrastive et en analyse d'erreurs: les systèmes morphologiques du français et du malais.*", yang disempurnakan pada tahun 1986, sebagai tesis Ijazah Kedoktoran di Université de la Sorbonne Nouvelle, Paris.

Kajian ini merupakan kajian tentang sistem morfologi bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Beliau telah menghuraikan tentang aspek-aspek di dalam bidang morfologi bahasa Perancis, seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan dan seterusnya membandingkannya dengan sistem morfologi bahasa Melayu untuk meramal dan menentukan masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran bahasa asing kepada pelajar Melayu.

Dalam tesis Choi, preposisi digolongkan dalam kategori kata fungsi (*fonctionnels* dalam bahasa Perancis). Mengikut Choi, kata-kata fungsi adalah penanda fungsi (*indicateurs de fonctions*) yang tugasnya adalah untuk menandakan hubungan sintaksis. Dalam tesis ini, preposisi bahasa Melayu dan bahasa Perancis dibandingkan dari segi morfologi dan fungsi.

dan didapati bahawa kedua-dua bahasa tersebut mempunyai banyak persamaan dari segi fungsi dan distribusi preposisi-preposisi tertentu.

- b) Kajian oleh Wanphen Siriraksasak yang bertajuk "Analisis Kontrastif Kata Depan Bahasa Melayu dan Bahasa Thai", yang disempurnakan pada tahun 1998 sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya.

Kajian ini merupakan Analisis Kontrastif tentang kata depan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Beliau telah menghuraikan jenis-jenis kata depan kedua-dua bahasa tersebut dan menjelaskan persamaan serta perbezaan kata depan bahasa-bahasa tersebut. Di samping itu, beliau juga menjelaskan kesukaran-kesukaran yang mungkin akan dihadapi oleh pelajar-pelajar Thai yang akan mempelajari bahasa Melayu atau sebaliknya.

- c) Kajian oleh Mohd Jumat (1997) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "Kata Depan Dalam Bahasa Dusun", beliau telah menjelaskan tentang jenis-jenis kata depan yang terdapat dalam bahasa Dusun.

Dalam mendeskripsikan kata depan bahasa Dusun, Mohd Jumat membahagikannya kepada dua bahagian, iaitu kata depan sederhana dan kata depan majmuk. Walau bagaimanapun, jenis-jenis kata depan yang disenaraikan oleh Mohd Jumat ini bercampur aduk dengan kata depan yang ada dalam bahasa Melayu Standard. Beliau memasukkan kata

depan seperti *dalam/dalom/salalom/salom* 'dalam', *pada/mok* 'pada', *antara/alot* 'antara', *kan/akan* 'akan', *daripada/mok* 'daripada', *mok/dari* 'dari', *demi* 'demi', *hingga* 'hingga', *kapada* 'kepada', *taradap* 'terhadap', *kacuali* 'kecuali', *manurut* 'menurut' dan lain-lain.

d) Satu kajian penting tentang preposisi telah dilakukan di barat oleh Stenson (1974; 1983). Berasaskan kajian yang beliau lakukan di Tunisia, semasa musim panas pada tahun 1971, Stenson (1983:256-271) menjelaskan bahawa cara guru mendefinisikan sesuatu item leksikal atau cara guru menyampaikan bahan-bahan pengajaran telah mengelirukan pelajar. Stenson memberi contoh mengenai kata "*Worship*" sebagai kata umum untuk "*pray*". Menurut Stenson (1983 : 256-271), pelajar secara langsung telah menghubungkan atau menggunakan preposisi yang sama dengan perkataan baru dan mula menuturkannya seperti berikut: *Worshipping to God*. Stenson (Ibid) mendapati beberapa orang pelajar melakukan kesalahan seperti ini secara terus-menerus, walaupun guru lebih awal telah membetulkannya. Menurut beliau lagi, kewujudan kebiasaan yang disebabkan adanya persamaan antara dua item leksikal yang saling berhubungan adalah sukar untuk diatasi.

Penelitian dan perbincangan secara deskripsi tentang pelbagai aspek bahasa Dusun pula telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji tempatan, khususnya di Universiti Brunei Darussalam. Antaranya:-

1. Jalin bin Luang (1989), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji tentang "Fonologi Bahasa Dusun, Refleks dari Bahasa Proto Austronesia dan Tatatingkat Kekerabatan Dengan Bahasa di sekitarnya".
2. A. Ismail bin Haji Tengah (1989), dalam latihan ilmiah luar kampus, Universiti Nasional Indonesia, beliau mengkaji "Morfem Bahasa Dusun, Satu Tinjauan Permulaan".
3. Pengiran Hj. Ahmad bin Pengiran Hj. Mat Salleh (1993), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Ayat Mudah Dialek Dusun".
4. Fatimah binti Yusof (1994), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Morfologi Kata Kerja Bahasa Dusun".
5. Jahiah binti Jikeria (1996), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Urutan Frasa Dalam Bahasa Dusun".
6. Jahrah binti Haji Awang Damit (1996), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Ayat Pasif Bahasa Dusun".
7. Norjinah binti Haji Musa (1996), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Morfologi Kata Nama Bahasa Dusun".
8. Awang Buah bin Tikau (1996), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Sistem Fonologi Bahasa Dusun Pedalaman".

9. Yalim bin Ramai (1997), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Imbuhan Kata Kerja Dalam Bahasa Dusun Kampung Bukit".

10. Subinoorhayati binti Bibi (1999), dalam latihan ilmiahnya beliau mengkaji "Sistem Panggilan Dalam Bahasa Dusun".

Salah seorang pengkaji lagi di Universiti Hawaii ialah;

11. Yabit Alas (1994), dalam disertasi sarjananya beliau mengkaji "The Reconstruction of Pre-Dusun and Classification of its Descendents".

Di samping itu, terdapat juga beberapa orang sarjana yang berminat tentang bahasa Dusun seperti Wurm dan Hattori (1983), Nothofer (1991) dan Martin (1992).

Walaupun, penulisan dan kajian tentang bahasa Dusun dan Analisis Kesilapan telah banyak dibuat, namun begitu, kajian kontrastif tentang preposisi bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard belum pernah dibincangkan baik di Negara Brunei Darussalam mahupun di tempat lain.

1.11 Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan (*CA/EA approach*) dalam kajian ini sebagai metodologi kajian. Dalam Analisis Kontrastif satu deskripsi yang lengkap tentang preposisi bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard dibincangkan dalam Bab Tiga dan Bab Empat. Perkara ini juga telah disentuh pada halaman 5.

Bagi mendapatkan maklumat tentang preposisi bahasa Dusun, beberapa temubual dengan para informan juga telah dilakukan, di samping contoh-contoh yang diperolehi daripada rakaman kajian yang dilampirkan pada Lampiran C berkenaan dengan Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Dusun. Kemudian, preposisi serta penggunaannya dibandingkan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Akhirnya satu hierarki kesukaran (*hierarchy of difficulties*) dipaparkan untuk menunjukkan darjah kesukaran, iaitu selaras dengan kenyataan Stockwell dan Bowen (1983:27-28) yang mengatakan bahawa:

"... a comparison can reveal when it is based on the different possibilities of choice in the two languages, we can attempt to rearrange the comparisons in an order which will constitute a hierarchy of difficulty. We must know which kinds of differences will be most difficult to master and which will be easiest, in order to grade our teaching materials, arrange them into an effective sequence, and determine how much drill is needed on each point."

(Stockwell dan Bowen, 1983:27-28)

Bagi menguji kesahihan hierarki ramalan dalam Analisis Kontrastif, Analisis Kesilapan pula digunakan iaitu dengan menggunakan satu ujian soalan pelbagai pilihan. Ujian ini melibatkan 100 orang murid Darjah Enam di sekolah rendah yang berbangsa Dusun, walau bagaimanapun didapati 10 orang daripadanya tidak memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki, maka hanya 90 orang murid yang dipilih. Rasional subjek kajian ini dipilih akan dibincangkan dalam bahagian Subjek Kajian pada Bab Enam. Data yang

diperolehi kemudiannya dianalisis berpandukan Analisis Kesilapan. Setelah itu, satu hierarki kesukaran berdasarkan hasil Analisis Kesilapan disenaraikan.

Kemudian, hierarki kesukaran Analisis Kontrastif dan hierarki kesukaran Analisis Kesilapan dibandingkan iaitu bagi mengesahkan sama ada kedua-dua analisis ini mempunyai hasil yang sama. Di samping itu, kedua-dua hierarki kesukaran berdasarkan hasil Analisis Kontrastif dan hierarki kesukaran berdasarkan hasil Analisis Kesilapan digunakan untuk membuat ramalan berkenaan dengan daerah-daerah permasalahan yang berkemungkinan akan dihadapi oleh pelajar Dusun dalam pembelajaran preposisi bahasa Melayu Standard di sekolah. Ramalan tentang kesukaran pembelajaran yang mungkin dihadapi juga dibuat berpandukan kepada perbezaan-perbezaan yang wujud antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran pelajar.

Akhir sekali, untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang sosio-budaya subjek kajian, satu soal-selidik telah dibuat. Seperti yang diketahui umum, soal-selidik merupakan salah satu kaedah yang digunakan secara meluas di kalangan para pengkaji, baik dalam bidang penyelidikan, mahupun dalam kerja-kerja sosial, iaitu sebagai alat untuk mendapatkan maklumat.

Dalam peringkat pengumpulan data, pengkaji menggunakan beberapa kaedah, iaitu temubual, rakaman dan teknik terjemahan.

1.11.1 Temubual

Kaedah temubual dilakukan dengan mengemukakan soalan-soalan secara teratur berpandukan skrip yang disediakan terlebih dahulu. Temubual tersebut dirakam menggunakan alat perakam.

1.11.2 Rakaman

Dalam hal ini informan diminta bercerita secara bebas tentang sesuatu perkara yang beliau ketahui, umpamanya adat istiadat perkahwinan masyarakat Dusun zaman dahulu, kehidupan puak Dusun pada masa lalu, seperti bertanam padi dan lain-lain.

1.11.3 Teknik Terjemahan

Dalam teknik terjemahan ini, pengkaji menyediakan sebanyak 120 ayat yang mengandungi preposisi tertentu. Kemudian informan diminta menterjemahkan ayat-ayat tersebut dan dalam masa yang sama terjemahan tersebut dirakam.

Data yang diperolehi daripada informan, iaitu melalui temubual dan rakaman secara bebas ditranskripsi dan dianalisis. Seterusnya data yang mengandungi preposisi bahasa Dusun dipilih dan disusun mengikut jenis dan penggolongannya seperti yang dipaparkan dalam Bab Tiga. Di samping itu, data yang diperolehi menggunakan kaedah terjemahan

dikategorikan mengikut jenis dan penggolongannya. Memandangkan data yang diperolehi melalui kaedah rakaman secara bebas tidak banyak mengandungi preposisi yang dikehendaki, pengkaji lebih banyak menggunakan data daripada kaedah terjemahan sebagai contoh penggunaan preposisi dalam bahasa Dusun berbanding dengan data kaedah rakaman secara bebas.

Di samping itu, pengkaji juga menemubual guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu. Temubual dengan guru dibuat bagi mengetahui kurikulum Bahasa Melayu yang digunakan, iaitu bagi mengetahui tahap pengetahuan subjek kajian tentang bahasa Melayu amnya dan preposisi khususnya pada tahap Darjah Enam (*Primary Six*).

Bagi mengetahui wujud atau tidak gangguan daripada bahasa ibunda pelajar, pengkaji telah menganalisis jawapan pilihan yang salah bagi setiap soalan di dalam ujian soalan pelbagai pilihan.

Hasil kajian ini dipaparkan dalam tujuh bab. Bab Satu merupakan pendahuluan yang memuatkan tujuan kajian dan penjelasan berkenaan dengan persiapan kajian ini.

Bab Dua memaparkan Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan dan latar belakang kedua-dua pendekatan ini serta kajian-kajian yang berkaitan dengan pendekatan ini.

Bab Tiga memuatkan deskripsi lengkap tentang preposisi bahasa Dusun, jenis-jenisnya, penggolongan serta penggunaannya.

Bab Empat mengandung deskripsi lengkap tentang preposisi bahasa Melayu Standard, jenis-jenisnya, penggolongan dan penggunaannya.

Bab Lima membicarakan hasil Analisis Kontrastif antara preposisi bahasa Dusun dan preposisi bahasa Melayu Standard serta penggunaannya dan hierarki kesukaran berdasarkan Analisis Kontrastif.

Bab Enam membicarakan hasil Analisis Kesilapan, memaparkan hierarki kesukaran berdasarkan Analisis Kesilapan dan dapatan kajian.

Bab Tujuh memuatkan kesimpulan yang merupakan rumusan kajian dan saranan-saranan.

PETA 2

PETA TABURAN PENUTUR BAHASA DUSUN

